

Liputan Media terhadap Pelarian Etnik Rohingya: Perbandingan Naratif Malaysia, Indonesia dan NGO Antarabangsa

Hairunnisa Zakaria, Amira Suraini Che Mohamad
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Universiti Malaysia Perlis

Corresponding email: hairunnisazakaria@gmail.com

ABSTRAK

Krisis pelarian etnik Rohingya menjadi isu kemanusiaan dan geopolitik yang mendapat perhatian meluas di peringkat serantau dan antarabangsa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap artikel berita, laporan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan kenyataan media yang diterbitkan antara tahun 2017 hingga kini. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu 1) mengenal pasti agenda yang dibawa oleh media Malaysia dalam melaporkan isu pelarian Rohingya; 2) menganalisis perbezaan laporan media Indonesia dan NGO antarabangsa dalam liputan berkaitan; dan 3) menilai pengaruh kandungan dan gaya penulisan media di Malaysia, Indonesia dan NGO antarabangsa dalam membentuk persepsi awam terhadap pelarian Rohingya. Hasil kajian ini mendapati 1) media Malaysia lebih menekankan aspek keselamatan dan beban sosioekonomi, 2) liputan media Indonesia bersifat berhati-hati. Sementara itu, NGO antarabangsa pula menekan Malaysia dan Indonesia melalui wacana hak asasi manusia, khususnya berkaitan dengan layanan terhadap pelarian Rohingya; dan 3) liputan media dipengaruhi oleh konteks politik, budaya dan dasar migrasi masing-masing. Kajian mencadangkan pengukuhan etika kewartawanan dan pendidikan media bagi memastikan liputan yang seimbang dan bertanggungjawab. Selain itu, kerjasama serantau serta dialog antara media, NGO, dan pembuat dasar perlu diperkukuh untuk menangani isu pelarian secara adil dan berasaskan fakta.

Kata Kunci: Indonesia, Rohingya, media, NGO, Malaysia

ABSTRACT

The Rohingya refugee crisis has become a humanitarian and geopolitical issue that has received widespread attention at the regional and international levels. This study used a qualitative approach through content analysis of news articles, non-governmental organisation (NGO) reports, and media statements published between 2017 and the present. This study has three objectives, namely 1) identifying the agenda brought by the Malaysian media in reporting on the Rohingya refugee issue; 2) analysing the differences in Indonesian media reports and international NGOs in related coverage; and 3) assessing the influence of media content and writing styles in Malaysia, Indonesia, and international NGOs in shaping public perceptions of Rohingya refugees. The results of this study found that 1) Malaysian media emphasised more aspects of security and socioeconomic burdens; 2) Indonesian media coverage was cautious. Meanwhile, international NGOs pressured Malaysia and Indonesia through human rights discourse, especially concerning the relief of Rohingya refugees; and 3) the respective political, cultural, and migration policy contexts influenced media coverage. The study recommends strengthening journalistic ethics and media education to ensure balanced and responsible coverage. In addition, regional cooperation and dialogue between media, NGOs, and policymakers need to be strengthened to address refugee issues fairly and based on facts.

Keywords: Indonesia, Rohingya, media, NGOs, Malaysia

PENGENALAN

Isu pelarian etnik Rohingya menjadi perhatian dalam wacana hak asasi manusia dan geopolitik serantau, khususnya di Asia Tenggara. Etnik Rohingya tidak diberikan Sijil Pendaftaran Negara atau kad pengenalan Myanmar. Sebaliknya, mereka diberikan kad pengenalan warga asing kerana tidak diiktiraf sebagai warga negara (Muhammad Hakimi et al., 2017). Penindasan sistematik terhadap etnik Rohingya di Myanmar telah mendorong gelombang pelarian ke negara jiran seperti Malaysia, Indonesia, dan Bangladesh. Keadaan ini mencetuskan pelbagai reaksi daripada masyarakat antarabangsa, kerajaan serantau, NGO, dan media (Hairunnisa & Noraini, 2020a).

Dalam situasi ini, media berperanan bukan sahaja sebagai penyampai maklumat, tetapi juga sebagai aktor yang membentuk persepsi awam, mempengaruhi dasar dan mencorakkan wacana awam (Adnan, 2015). Namun, pendekatan media terhadap isu pelarian etnik Rohingya sangat bergantung kepada konteks politik, dasar migrasi, dan budaya sesebuah negara. Di negara-negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia dan Indonesia, media memainkan peranan penting dalam menampilkan sisi kemanusiaan atau sebaliknya menonjolkan kebimbangan berkaitan keselamatan nasional dan beban sosial. NGO antarabangsa pula sering membawa wacana berasaskan prinsip hak asasi manusia sejagat, yang kadangkala bertentangan dengan pendekatan negara tuan rumah. Perbezaan ini menjadikan perbandingan antara liputan media di Malaysia, Indonesia dan NGO antarabangsa sebagai satu bidang kajian yang signifikan dalam memahami bagaimana isu pelarian Rohingya dibingkai secara berbeza di pentas serantau dan global.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan membandingkan liputan media berkaitan pelarian Rohingya oleh media Malaysia, media Indonesia, dan NGO antarabangsa. Penekanan diberikan kepada bagaimana agenda media dibentuk, naratif yang diketengahkan, serta pengaruh kandungan dan gaya penulisan terhadap persepsi awam. Dengan memahami perbezaan pendekatan ini, kajian ini berharap dapat memberikan sumbangan ke arah liputan media yang lebih seimbang, serta menyokong usaha serantau yang lebih inklusif dalam menangani isu pelarian etnik Rohingya.

LAPORAN MEDIA

Teori Penetapan Agenda yang diperkenalkan oleh McCombs dan Shaw (1972) merupakan kerangka penting dalam kajian komunikasi yang menekankan peranan media dalam menentukan isu yang dianggap penting oleh masyarakat. Teori ini menyatakan bahawa media bukan sahaja menyampaikan berita, tetapi juga mempengaruhi keutamaan isu yang diperhatikan oleh khalayak (Nor Razinah, 2014; Kim et al., 2017). Dalam konteks pelarian, teori ini membantu memahami bagaimana media membentuk persepsi awam melalui fokus naratif tertentu yang dipilih untuk dilaporkan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa naratif media boleh mempengaruhi sikap dan reaksi masyarakat terhadap kelompok marginal seperti pelarian.

Kajian tentang peranan media dalam membentuk persepsi terhadap pelarian Rohingya semakin mendapat perhatian dalam literatur komunikasi dan kajian sosial. Kajian terhadap liputan Aljazeera dan BBC mendapati kedua-dua saluran antarabangsa ini melaporkan krisis

pelarian etnik Rohingya melalui aspek keselamatan dan ketenteraan sebagai punca utama, di samping menggambarkan pelarian sebagai mangsa tidak berdaya. Namun, liputan Aljazeera adalah lebih terperinci (Osama et al., 2023). Selain kajian terhadap media arus perdana, Nadzirah dan Mohd Irwan (2023) mendapati bahawa kempen media sosial di Malaysia, seperti #SayNoToRohingya yang muncul semasa krisis COVID-19 pada tahun 2020, mencerminkan sentimen negatif masyarakat terhadap pelarian Rohingya. Sentimen ini dipengaruhi oleh pengulangan mesej kebencian dalam ruang media sosial serta dasar kerajaan yang tidak konsisten terhadap isu pelarian.

Media di pelbagai negara menggunakan pendekatan yang berbeza dalam melaporkan isu ini. Penulisan laporan media mengenai isu pengurusan pelarian menunjukkan perbezaan ketara antara negara, dipengaruhi oleh konteks politik, sosial dan budaya masing-masing. Di negara-negara Barat seperti Jerman, Kanada dan Sweden yang secara relatifnya lebih terbuka terhadap kemasukan pelarian, media sering menampilkan naratif yang menekankan nilai kemanusiaan, hak asasi manusia, dan tanggungjawab moral terhadap komuniti pelarian. Laporan-laporan media di negara-negara ini lazimnya memberi fokus kepada penderitaan pelarian, kisah kejayaan integrasi mereka dalam masyarakat, serta kritikan terhadap dasar yang dianggap menindas atau tidak berperikemanusiaan (Jiang et al., 2021).

Sebaliknya, di negara-negara yang mempunyai dasar imigresen lebih ketat atau struktur kerajaan autoritarian seperti Hungary, Poland atau beberapa negara Asia Barat, laporan media cenderung menyokong pendekatan keselamatan dan kawalan sempadan. Dalam konteks ini, pelarian digambarkan sebagai ancaman kepada kestabilan sosial, ekonomi dan keselamatan negara. Perbezaan ini turut dipengaruhi oleh budaya dan nilai masyarakat. Tambahan pula, tahap kebebasan media juga memainkan peranan penting (Adibah, 2020). Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada liputan media mengenai pelarian etnik Rohingya dengan membandingkan naratif yang dibawa oleh media di Malaysia, Indonesia, serta NGO antarabangsa.

TEORI PENETAPAN AGENDA DAN KONSEP KESELAMATAN NASIONAL

Kajian ini berlandaskan dua kerangka teori utama iaitu Teori Penetapan Agenda (*Agenda Setting Theory*) dan Konsep Keselamatan Nasional, yang digunakan untuk memahami naratif media serta bagaimana ia membentuk persepsi awam terhadap isu pelarian Rohingya di Malaysia, Indonesia, dan dalam kalangan NGO antarabangsa. Teori Penetapan Agenda yang diasaskan oleh McCombs dan Shaw (1972) menjelaskan bahawa media mempunyai kuasa untuk mempengaruhi keutamaan khlayak terhadap isu tertentu. Media tidak semestinya memberitahu masyarakat apa yang perlu difikirkan, tetapi media menetapkan apa yang masyarakat fikirkan sebagai penting (McCombs & Shaw, 2017). Dalam konteks pelarian etnik Rohingya, media menjadi ejen utama dalam menentukan tumpuan masyarakat sama ada terhadap aspek kemanusiaan, keselamatan, atau beban ekonomi.

Manakala, Keselamatan Nasional merupakan kaedah sesebuah negara memastikan mereka selamat daripada ancaman keselamatan yang wujud, terdiri daripada lima jenis ancaman iaitu ancaman terhadap keselamatan politik, keselamatan ekonomi, keselamatan sosial, persekitaran dan ketenteraan (Buzan, 1983). Konsep keselamatan nasional dalam kajian

ini dilihat secara holistik, merangkumi aspek keselamatan tradisional dan bukan tradisional seperti keselamatan sempadan, sosial, ekonomi, dan kesihatan awam. Di Malaysia, naratif keselamatan menjadi elemen dominan dalam liputan media terhadap pelarian Rohingya, terutamanya selepas insiden pendaratan bot pelarian secara haram, penularan COVID-19 dalam kalangan pelarian, dan peningkatan ketegangan sosial dalam komuniti tempatan (Hairunnisa & Noraini, 2020b).

Naratif ini menyokong pendekatan kerajaan yang lebih berhati-hati dalam menangani pelarian, termasuk melalui dasar penahanan, pengusiran, dan had akses kepada perkhidmatan awam. Media memainkan peranan penting dalam memperkukuh naratif keselamatan ini dengan menetengahkan isu seperti jenayah, tekanan terhadap sistem kesihatan, dan kerisauan penduduk tempatan terhadap kehilangan peluang pekerjaan (Ibrahim, 2022). Sebaliknya, NGO antarabangsa melihat pendekatan keselamatan ini sebagai bertentangan dengan prinsip kemanusiaan sejagat, dan menekankan keperluan untuk memberi perlindungan kepada pelarian tanpa diskriminasi. Perbezaan perspektif ini mencerminkan konflik antara keperluan domestik sesebuah negara untuk menjaga keselamatan nasional dan tuntutan moral antarabangsa dalam melindungi golongan rentan.

Gabungan Teori Penetapan Agenda dan Konsep Keselamatan Nasional dalam kajian ini membolehkan analisis yang lebih menyeluruh terhadap bagaimana media dan NGO membentuk naratif berbeza mengenai isu pelarian Rohingya. Ia juga menjelaskan mengapa persepsi awam dan dasar kerajaan berbeza-beza mengikut konteks tempatan, dan bagaimana naratif media boleh mempengaruhi sama ada isu pelarian dilihat sebagai krisis kemanusiaan atau ancaman keselamatan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan untuk meneliti dan membandingkan naratif media berkaitan pelarian Rohingya di tiga sumber utama: media Malaysia, media Indonesia, dan NGO antarabangsa. Analisis kandungan ialah satu kaedah penyelidikan kualitatif yang digunakan untuk mengenal pasti, mengkategorikan dan mentafsir makna tersirat serta pola dalam teks, imej atau komunikasi media secara sistematik (Krippendorff, 2018). Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengenal pasti tema, pola bahasa, dan agenda tersembunyi dalam bahan bertulis, serta memahami bagaimana sesuatu isu dibingkai (framed) dalam konteks politik dan budaya tertentu.

Unit analisis bagi kajian ini terdiri daripada artikel berita, laporan NGO, dan kenyataan media yang diterbitkan antara tahun 2017 hingga 2024. Tempoh ini dipilih kerana ia merangkumi gelombang utama krisis pelarian Rohingya yang tercetus pada Ogos 2017 serta peristiwa penting seperti pandemik COVID-19 yang memberi impak besar terhadap wacana pelarian. Sumber utama diperoleh daripada portal berita dalam talian seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, Kompas, Tempo, laporan NGO seperti *Human Rights Watch*, *Amnesty International*, dan kenyataan rasmi daripada agensi seperti UNHCR.

Prosedur pengumpulan data dilakukan dengan mengenal pasti sekurang-kurangnya 10 artikel atau laporan bagi setiap kategori (media Malaysia, media Indonesia dan NGO antarabangsa), dengan kriteria pemilihan melibatkan isu pelarian etnik Rohingya secara

langsung, penggunaan bahasa yang mencerminkan agenda atau sikap tertentu, dan liputan terhadap peristiwa penting seperti pendaratan bot pelarian, isu keselamatan, dan kenyataan dasar kerajaan. Manakala, analisis data dilakukan melalui proses pengekodan tema (*thematic coding*), yang melibatkan penandaan frasa-frasa utama, istilah berulang, nada penulisan (positif, negatif, neutral), dan aspek wacana seperti peminggiran (*marginalisation*), penjenamaan (*labelling*), serta penggunaan istilah seperti "ancaman", "beban", atau "mangsa". Penemuan dianalisis menggunakan lensa Teori Penetapan Agenda dan konsep keselamatan nasional, bagi memahami hubungan antara naratif media dan persepsi awam terhadap pelarian Rohingya di rantau ini. Jadual 1 menunjukkan analisis kandungan berdasarkan tema utama.

Jadual 1: Analisis Kandungan Utama (Tema)

Tema Utama	Subtema/Fokus Analisis	Kod
Isu keselamatan	- Ancaman keselamatan nasional. -Isu penyeludupan dan bot pelarian.	“Ancaman kepada sempadan”, “pencerobohan”, “pengganas”
Beban Sosiekonomi	-Isu pekerjaan, pendidikan, kesihatan - Kesan terhadap rakyat tempatan	“beban kepada sistem kesihatan”, “ambil kerja rakyat”
Kemanusiaan	- Hak asasi, penderitaan, trauma pelarian - Wanita dan kanak-kanak	“mangsa pelanggaran hak”, “pelarian memerlukan bantuan”
Nada dan Framing	- Nada positif / negatif / neutral - Gaya bahasa (berunsur stigma atau simpati)	“pendatang haram”, “musuh dalam selimut” vs “mangsa konflik”
Agenda Media/ Organisasi	- Sokongan kepada dasar kerajaan - Kritik terhadap dasar kerajaan / NGO	“Malaysia perlu lebih tegas”, “Malaysia gagal urus pelarian”
Isu Semasa	- Pandemik COVID-19 - Bot hanyut 2020 - Konflik Myanmar	“risiko kesihatan”, “jangkitan dari pelarian”, “perlu tolak bot”

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis terhadap media arus perdana Malaysia seperti Bernama, Berita Harian, Utusan Malaysia, Harian Metro, Sinar Harian dan *The Star* menunjukkan bahawa liputan mengenai pelarian Rohingya banyak tertumpu kepada aspek keselamatan negara dan beban sosioekonomi. Laporan sering menekankan isu pencerobohan sempadan, banjir bot pelarian, dan kaitan dengan jenayah serta risiko kesihatan, terutama semasa pandemik COVID-19. Istilah seperti “pendatang asing tanpa izin (PATI)” dan “ancaman keselamatan” kerap digunakan, menunjukkan penekanan terhadap naratif yang memposisikan Rohingya sebagai liabiliti kepada negara. Dalam beberapa artikel, pelarian juga dikaitkan dengan kes

penyeludupan manusia dan sindiket pemalsuan dokumen. Ini mencerminkan bagaimana media tempatan melihat isu ini daripada sudut keselamatan nasional dan kepentingan domestik.

“ALOR SETAR – Seorang warga Myanmar berketurunan Rohingya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas tuduhan memberi rasuah sebanyak RM150 kepada seorang anggota polis di Kodiang, pada Ahad. Tertuduh, Hamid Husson Abul Husson, 22, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini dengan bantuan jurubahasa mahkamah. Dia didakwa memberikan wang tunai kepada Koperel Mohd Zulhelmi Abdullah dari Balai Polis Kodiang sebagai dorongan agar tidak mengambil tindakan terhadap beberapa kesalahan trafik yang dilakukan.”

Sinar Harian, 27 Mei 2025

“Johor Bahru: Kehadiran kelompok besar etnik Rohingya di Kampung Kangkar Tebrau di sini, menimbulkan kegusaran dan merimaskan lebih 200 keluarga penduduk asal kampung terbabit yang terletak di tengah bandaraya. Pesara, Abd Razak Tarmidi, 63 berkata, kehadiran Rohingya ini dikesan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan jumlah mereka semakin bertambah dengan dianggarkan ada lebih 1,000 orang menetap di kampung terbabit. Katanya, yang menjadi kebimbangan adalah sikap etnik terbabit yang pengotor dan gemar membiarkan anak kecil mereka bermain di jalanan tanpa sebarang pengawasan.”

Harian Metro, 11 Mac 2024.

Liputan media arus perdana di Indonesia seperti *Kompas*, *Tempo*, dan *The Jakarta Post* menunjukkan kecenderungan untuk mengekalkan keseimbangan antara nilai kemanusiaan dan keperluan melindungi kedaulatan negara. Media Indonesia sering menyetengahkan isu pelarian Rohingya dalam konteks bantuan kemanusiaan dan sokongan kepada prinsip solidariti serantau, terutama melalui kerjasama ASEAN. Walau bagaimanapun, terdapat juga penekanan terhadap cabaran domestik seperti kemampuan infrastruktur, ketidaksediaan jangka panjang, serta kebimbangan komuniti tempatan di wilayah pendaratan seperti Aceh. Ini menunjukkan bahawa media Indonesia berperanan dalam membentuk persepsi bahawa perlindungan pelarian harus selari dengan kepentingan nasional dan keupayaan negara tuan rumah.

"Para pakar menggesa pihak kerajaan untuk memperkukuh komunikasi awam dan mempergiat usaha diplomatik bagi meredakan ketegangan yang semakin memuncak dalam kalangan masyarakat tempatan, susulan ketibaan pelarian Rohingya di Aceh — etnik minoriti Islam yang melarikan diri daripada diskriminasi yang disokong oleh kerajaan Myanmar."

-The Jakarta Post, 27 Disember 2023

“SEIRING besarnya resistensi dan disinformasi terhadap pengungsi, lembaga penanganan pengungsi internasional dan platform media sosial harus segera membaca pola dan mengambil tindakan sebelum gelombang berikutnya datang tahun depan. Ada kejadian apa di Malaysia/Myanmar pada akhir tahun, hingga dua kali berturut-turut mendatangkan gelombang pengungsi? Bagaimana meredakan ketegangan antara warga setempat dan pengungsi? Mengapa disinformasi di platform media sosial terus menyebar tanpa ada klarifikasi?”

-Kompas.com, 27 Disember 2023

Berbeza daripada media nasional, NGO antarabangsa seperti *Human Rights Watch*, *Amnesty International* dan *Office of the United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) menunjukkan naratif yang sangat berpaksikan hak asasi manusia dan tanggungjawab moral antarabangsa. Laporan mereka memberi penekanan kepada penderitaan pelarian etnik Rohingya, khususnya wanita dan kanak-kanak, serta mengecam sebarang bentuk penolakan bot pelarian atau penahanan tanpa proses undang-undang yang sewajarnya. Malaysia sering dikritik kerana tidak memberi status perlindungan yang jelas, serta tindakan menghantar pulang pelarian ke laut. NGO antarabangsa juga mengangkat wacana solidariti serantau dan mendesak penyelesaian berasaskan undang-undang antarabangsa, sejajar dengan prinsip non-refoulement dan Konvensyen Pelarian 1951.

“(Jakarta) – Pihak berkuasa Indonesia disarankan untuk menghentikan serta-merta sebarang tindakan penolakan semula (pushback) terhadap bot yang membawa pelarian etnik Rohingya. Selain itu, tindakan agresif dan serangan yang berlaku ke atas golongan pelarian perlu disiasat secara menyeluruh dan dihentikan segera. Pihak berkuasa juga wajar membenarkan pelarian mendarat di pelabuhan yang paling hampir dan selamat, serta menyediakan perlindungan dan bantuan kemanusiaan yang bersesuaian. Di samping itu, sebarang bentuk hasutan terhadap keganasan dalam talian yang menyasarkan pelarian harus dipantau dan ditangani secara berkesan.”

-Human Right Watch, 16 Januari 2024

"Pihak berkuasa Malaysia harus segera menghentikan rancangan untuk menyekat sekurang-kurangnya 20 lelaki Rohingya yang dihukum hanya kerana cuba mencari perlindungan. Kerajaan juga digesa membebaskan semua pelarian Rohingya lain yang dipenjarakan termasuk wanita dan kanak-kanak yang telah ditahan, disabitkan dan dipenjara secara tidak sah atas tuduhan 'kesalahan imigresen', yang jelas bertentangan dengan prinsip undang-undang antarabangsa."

-Amnesty International, 20 Julai 2020

Jadual 2: Perbandingan Naratif Media Mengenai Pelarian Etnik Rohingya

Aspek	Media Malaysia	Media Indonesia	NGO Antarabangsa
Fokus utama liputan	Keselamatan negara, beban sosioekonomi, isu PATI dan jenayah.	Solidariti kemanusiaan, tanggapan terhadap dasar negara jiran.	Hak asasi manusia, penderitaan pelarian, tanggungjawab antarabangsa.
Nada liputan	Cenderung negatif, berunsur amaran atau berjaga-jaga.	Neutral, sesekali simpati.	Simpati, kritikal terhadap kerajaan, bersifat mendesak.
Persepsi yang dibentuk	Rohingya sebagai beban dan ancaman kepada keselamatan nasional.	Pelarian perlu dibantu, namun tetap perlu dikawal.	Malaysia dilihat tidak cukup komited terhadap hak pelarian, gesaan reformasi dasar.
Konteks politik/media	Dipengaruhi oleh dasar imigresen dan tekanan politik domestik.	Dipengaruhi oleh sensitiviti hubungan serantau dan budaya.	Dipandu oleh prinsip undang-undang antarabangsa dan doktrin hak asasi manusia.
Pengaruh terhadap dasar/pandangan awam	Menguatkan dasar, pelaksanaan undang-undang dan sentimen awam anti-Rohingya.	Persepsi bercampur; empati tetapi tetap berhati-hati terhadap keberadaan pelarian jangka panjang.	Meningkatkan tekanan antarabangsa untuk perlindungan pelarian.

Jadual 2 menunjukkan ringkasan perbandingan naratif media mengenai pelarian etnik Rohingya. Naratif media Malaysia yang menekankan isu keselamatan dan beban sosioekonomi dalam melaporkan isu pelarian Rohingya dapat difahami dalam konteks kedudukan Malaysia sebagai antara negara utama destinasi pelarian etnik tersebut. Ketiadaan status pelarian yang diiktiraf secara rasmi dan pertambahan populasi Rohingya yang signifikan telah menimbulkan kebimbangan berkaitan akses kepada pekerjaan, perkhidmatan kesihatan, pendidikan serta tekanan terhadap infrastruktur awam (Intan Suria, 2024). Tambahan pula, insiden tertentu yang melibatkan pelarian seperti kes pemalsuan dokumen dan pelanggaran undang-undang telah memperkukuh tanggapan bahawa kehadiran mereka mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Justeru, media Malaysia secara relatif lebih cenderung membentuk naratif yang selari dengan dasar migrasi negara serta aspirasi untuk melindungi kedaulatan dan keselamatan nasional (Siti Munirah, 2025).

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan. Pertama, pengukuhan etika kewartawanan dan keseimbangan liputan. Media perlu memperkukuh etika pelaporan dengan memastikan keseimbangan antara keprihatinan keselamatan nasional dan prinsip hak asasi manusia. Pemberitaan yang tidak bersifat berat sebelah dapat membantu

membina naratif yang lebih konstruktif dan tidak menambah kepada xenofobia atau kebencian terhadap pelarian. Kedua, peningkatan literasi media dalam kalangan masyarakat. Pihak berkuasa dan masyarakat sivil perlu mempertingkatkan pendidikan literasi media untuk membantu orang ramai menilai maklumat secara kritis, khususnya dalam menghadapi limpahan maklumat di media sosial yang sering bersifat emosional dan tidak sahih. Ketiga, kerjasama serantau dan dialog media. Negara Asia Tenggara disarankan mengadakan platform dialog antara media serantau, NGO dan pembuat dasar bagi mewujudkan persefahaman yang lebih baik serta menggalakkan pendekatan bersama dalam menangani isu pelarian. Ini termasuk perkongsian naratif yang lebih adil dan berpanduan fakta.

KESIMPULAN

Analisis terhadap naratif media mengenai pelarian etnik Rohingya menunjukkan wujudnya perbezaan ketara antara pendekatan Malaysia, Indonesia dan NGO antarabangsa. Media arus perdana Malaysia cenderung menekankan aspek keselamatan negara dan beban sosioekonomi akibat banjir pelarian Rohingya yang ramai, sejajar dengan kebimbangan awam dan dasar imigresen yang tegas. Sebaliknya, media di Indonesia, meskipun turut menunjukkan reaksi bercampur daripada masyarakat tempatan, masih mengekalkan naratif kemanusiaan yang lebih sederhana serta menekankan tanggungjawab moral dan solidariti serantau. Sementara itu, NGO antarabangsa menampilkan naratif yang lebih konsisten daripada sudut hak asasi manusia, menolak tindakan pemulangan paksa, penahanan dan kekerasan terhadap pelarian. Dapatan ini mengesahkan bahawa persepsi awam dan dasar berkaitan pelarian dipengaruhi secara langsung oleh cara media membentuk wacana sama ada melalui penekanan terhadap ancaman keselamatan atau tanggungjawab kemanusiaan yang akhirnya memberi kesan kepada pembentukan dasar, kerjasama diplomatik, dan kestabilan sosial serantau.

RUJUKAN

- Adibah, I. (2020). Kebebasan Dan Kawalan Media Di Malaysia: Kajian Perbandingan Media Baru Dan Media Tradisional. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3(13), 24-38.
- Adnan, M. H. (2015). Peranan media massa memartabatkan integriti nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, 2.
- Amnesty International. (20 Julai 2020). *Malaysia: Stop plans to cane Rohingya refugees and release those already imprisoned*.
<https://www.amnesty.org/en/latest/news/2020/07/malaysia-stop-plans-to-cane-rohingya-refugees-and-release-those-already-imprisoned/>
- Buzan, B. (1983). *People, State, and Fear*. Harvester Wheatsheaf.
- Hairunnisa, Z., & Noraini, Z. (2020a). The Implementation of Responsibility to Protect Against Rohingya Women. *International Journal of Social Science Research*, 2(1), 145-155.
- Hairunnisa, Z., & Noraini, Z. (2020b). The Form of Violence Against Rohingya Women and Implementation of Responsibility to Protect (RTOP). *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*.
- Human Rights Watch. (16 Januari 2024). *Indonesia: Protect Newly Arrived Rohingya Refugees Investigate, Prevent Anti-Rohingya Violence in Aceh*.

- <https://www.hrw.org/news/2024/01/16/indonesia-protect-newly-arrived-rohingya-refugees>
- Ibrahim, M. N. (2022). Terasing di bumi asing: Naratif rintihan warga pelarian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 24(1), 109-118.
- Intan Suria Hamzah. (2024). Pensyarah Kanan, Kenegaraan, Sains Politik & Keselamatan Insan, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI, Perak. *Google Meet*, 06 Jun.
- Jiang, S., d'Haenens, L., & Zhang, L. (2021). Differences in journalism culture or is there more to it? Comparing news on the European refugee issue in Western Europe and China. *International Communication Gazette*, 83(5), 451-473.
- Kim, Y., Kim, Y., & Zhou, S. (2017). Theoretical and methodological trends of agenda-setting theory: A thematic analysis of the last four decades of research. *The agenda setting journal*, 1(1), 5-22.
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Sage publications.
- McCombs, M. E., & Shaw, D. L. (1972). The agenda-setting function of mass media. *Public opinion quarterly*, 36(2), 176-187.
- McCombs, M. E., & Shaw, D. L. (2017). The agenda-setting function of mass media. *The Agenda Setting Journal*, 1(2), 105-116.
- Muhammad Hakimi, T. A., Abdul Latif, A. B. & Fakrulnizam, J. (2017). *Rohingya Mencari Sinar di Bumi Arakan*. Penerbit UiTM.
- Nadzirah, Z. R. & Mohd Irwan, S. S. (2023). '# SayNoToRohingya': a critical study on Malaysians' amplified resentment towards Rohingya refugees on Twitter during the 2020 COVID-19 crisis. *The Round Table*, 112(4), 386-406.
- Nor Razinah, M. Z (2014). Agenda setting theory. *International Islamic University Malaysia*, 1-11.
- Omar, A. (11 Mac 2024). Mereka bermaharajalela! *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/utama/2024/03/1068882/mereka-bermaharajalela>
- Osama, K., Mohamed Oklah, A., & Mohd Faizal. (2020). Media framing of minorities' crisis: A study on Aljazeera and BBC News coverage of the Rohingya. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 1-16.
- Ridzuan, A. R., Bolong, J., Suyurno, S. S., Mohamad Kamal, R., Jafri, F. (2015). Developing SNS, Factors Structures Towards Constructing SNS Survey Questions, *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 25-35.
- Sandro, G. (27 Disember 2023). "Buntut Masalah Platform Dalam Kasus Rohingya di Aceh", *Kompas.com*. <https://nasional.kompas.com/read/2023/12/27/08403971/buntut-masalah-platform-dalam-kasus-rohingya-di-aceh>.
- Siti Munirah, Y. (2025). Penolong Pensyarah, Fakulti Undang-undang & Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). *Temu bual*. 13 Mei.
- The Jakarta Post. (9 Februari 2025). Rohingya refugee influx raises concern for conflict. *The Jakarta Post*. <https://www.thejakartapost.com/indonesia/2025/02/09/rohingya-refugee-influx-raises-concern-for-conflict.html>